



FATIMAH MOHAMED ARSHAD



ABDUL SHUKOR JURAIMI

km
20/1/18
5

Padi haram bahaya, jejas kualiti tanaman

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Penanaman benih padi yang diimport secara haram seperti Black Madras bukan sahaja melanggar undang-undang malah mampu menjejaskan produktiviti dan kualiti hasil tanaman padi tempatan.

Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Putra Infoport, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Datin Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad** berkata, penggunaan benih padi import haram bukanlah perkara baharu sebaliknya sudah dibuat secara berleluasa oleh segelintir petani demi mengaut pulangan yang tinggi.

"Ini bukan perkara baharu, mereka mengambil benih-benih padi dari luar negara kerana inginkan kepelbagaian dalam menghasilkan beras untuk dijual dalam pasaran dengan harga yang lebih lumayan berbanding harga beras tempatan.

"Tetapi jika mahu menjadi kreatif dan meluaskan perniagaan sekalipun, jalani pemeriksaan dan prosedur kuarantin benih padi dengan pihak berkuasa terlebih dahulu, jangan sampai ia menyebarkan penyakit dan mengancam tanaman padi tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pendedahan Jabatan Pertani-

an Negeri Perlis yang mengesan kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam berasal dari Korea yang ditanam secara haram di Tambun Tulang, Perlis baru-baru ini.

Benih padi yang dipercayai dibawa masuk secara haram melalui kapal terbang itu dikesan menerusi seorang pemilik tanaman padi yang mula mengiklankan penjualan benih di laman Facebook beberapa hari lalu.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa Kluster Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Dr. Abdul Shukor Juraimi** berkata, tanaman benih padi haram perlu ditangani segera memandangkan masih ramai yang belum menyedari bahaya menggunakan benih padi import tanpa melalui sebarang pemeriksaan.

"Soal tanaman padi berkait rapat dengan keselamatan makanan, jika tidak melalui prosedur yang betul dan dikuarantin, tanaman padi boleh rosak dengan begitu sahaja.

"Jadi penting untuk orang ramai diberikan pendedahan mengenai perkara ini, penyakit seperti fungus atau karah mampu menyerang tanaman malah akan memberi kesan sehingga bertahun-tahun, kita tidak mahu perkara ini berlaku," katanya.